

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Kebakaran

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Kebakaran. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi harta benda anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas domestik.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Perlindungan hartanah boleh diklasifikasikan kepada tiga (3) kategori:-

- Bangunan (kediaman, kilang, pejabat, pusat membeli-belah, dsb)
- Stok (bahan mentah, barangan yang telah lengkap dan tidak lengkap, bahan pembungkusan, dsb)
- Isi Kandungan (bengkel & kejenteraan, perabot, perkakas, peralatan dan kelengkapan pejabat, pelan dan dokumen, dsb)

Tambahan kepadanya, anda boleh melanjutkan perlindungan kebakaran asas ini untuk merangkumi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh bencana yang tidak tersenarai, tertakluk kepada premium tambahan seperti yang dinyatakan di dalam Tarif Kebakaran Disemak Semula

- Bencana/Klausa/Pengesahan
- Kerosakan Kapal Terbang
- Kebakaran Semak/Lalang
- Peralatan tangki, air atau paip air yang pecah & air melimpah keluar daripadanya
- Rusuhan Tunjuk Perasaan dan Kerosakan akibat dari niat Jahat
- Kerosakan Impak
- Kerosakan oleh Pokok yang Tumbang atau Dedahan dan objek yang jatuh
- Gempa Bumi dan Letupan Gunung Berapi
- Ribut Taufan
- Banjir
- Pemasangan Elektrik Klausa B
- Letupan
- Mendapan Tanah dan Tanah Runtuh
- Kebocoran Pemancut air
- Pembakaran Spontan
- Barangan yang sedang menjalani proses pengeringan/pemanasan
- Kerosakan dari Asap
- Penyimpanan Dingin Beku / Inkubator Klausa B

Tempoh perlindungan ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada Jumlah Perlindungan, jenis perniagaan di premis, peril yang dilanjutkan dan keperluan pengunderaitan Syarikat:

Jumlah Diinsuranskan : RM _____
 Kadar Asas dikenakan _____ %
 Premium tambahan untuk perlanjutan peril yang diperlukan : RM _____

Jumlah premium teranggar yang anda perlu bayar ialah: RM _____

** Polisi ini tertakluk kepada premium minimum RM75.00 bagi risiko komersial dan RM60.00 untuk risiko kediaman persendirian.*

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah :

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium (jika ada)
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

Kepentingan membuat Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5 : Itu adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

- Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan pada harta tersebut. Sekiranya jumlah yang diinsuranskan dalam polisi anda kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku (contohnya insurans berkurangan), anda akan dianggap menanggung sendiri terhadap perbezaannya dan syarat purata akan dikenakan jika berlaku tuntutan.
- Jumlah Diinsuranskan – Jumlah diinsuranskan untuk harta anda mestilah kos sebenar pembinaan semula termasuk pengubahsuaian dan inflasi untuk mengelakkan insurans berkurangan. Anda boleh log masuk ke www.kurnia.com atau www.amassurance.com.my untuk menggunakan Kalkulator Kos Bangunan (BCC) sebagai rujukan anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- a) Pencurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran
- b) Gempa bumi dan letusan gunung berapi atau kejutan alam semulajadi lain
- c) Ribut taufan, badai, angin puting beliung, siklon atau lain-lain gangguan atmosfer
- d) Peperangan, pencerobohan, rusuhan, ketenteraan atau perampasan kuasa, pemberontakan, revolusi
- e) Kebakaran bawah tanah, pencemaran atau kontaminasi
- f) Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- g) Apa-apa tindakan keganasan

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh batalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada pihak kami. Sebaik pembatalan, anda berhak menerima pulangan bayaran premium ditolak dengan premium berdasarkan kadar tempoh pendek kami untuk tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang disimpan oleh kami. Tiada premium akan dikembalikan jika suatu tuntutan telah dibuat di bawah polisi ini

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan kepada butiran hubungan saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan kepada butiran hubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat akan sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Dimanakah boleh saya mendapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Talian Bebas : 1-800-88-6333
E-mel : customer@kurnia.com
Laman Web : www.kurnia.com

10. Jenis perlindungan insurans Am lain yang tersedia:

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA HARTA BENDA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MEMBINCANGKAN DENGAN PENGANTARA INSURANS ANDA ATAU MENGHUBUNGI PIHAK KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 September 2018.